

11 MAY 2002

Mahathir-Menang

BN MUNGKIN MENANG LEBIH BESAR, KATA DR MAHATHIR

SHAH ALAM, 11 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran kepada parti pembangkang bahawa Barisan Nasional (BN) mungkin memperolehi majoriti kemenangan yang lebih besar pada pilihan raya umum yang akan datang.

"Parti-parti lawan patut rasa gentar, takut kerana masa untuk mereka akan tiba tidak lama lagi," katanya ketika berucap pada majlis sambutan ulang tahun Umno ke-56 di Stadium Malawati di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata pada tahun 1999 "ketika hangat orang membenci kerajaan" BN sanggup mengadakan pilihan raya dan menang dengan majoriti tiga perempat kerusi Dewan Rakyat.

"Ini masa orang kata kita lemah dan hendak jatuh. Tunggulah pilihan raya satu lagi.

"Wahai parti-parti lawan, orang dan isu yang kamu peralatkan itu sudah tidak menjadi isu lagi dalam negara kita," katanya.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno dan Pengerusi BN berkata kerajaan BN yang dipimpin Umno tidak takut untuk mengadakan pilihan raya pada bila-bila masa.

Beliau berkata sejak Merdeka, pilihan raya umum sebelum cukup tempoh telah diadakan sebanyak sepuluh kali.

Kehadiran lebih 15,000 orang pada perhimpunan ini serta semangat tinggi yang ditunjukkan oleh mereka, kata Dr Mahathir, perlu dilihat oleh pembangkang dengan berhati-hati pada pilihan raya yang akan datang.

"Lihat perhimpunan hari ini, tunggu dan lihat," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan pimpinan Umno bersama-sama dengan rakan-rakan sekutunya dalam BN mempunyai kecekapan dan keupayaan untuk membangunkan negara.

Beliau berkata anggapan bahawa mana-mana kerajaan pun boleh membangunkan negara seperti yang dilakukan oleh kerajaan BN adalah satu tanggapan yang salah.

"Ini pemikiran yang cetek, yang bodoh dari (golongan) katak bawah tempurung," katanya.

Dr Mahathir berkata terdapat negara yang mencapai kemerdekaan pada waktu yang hampir sama dengan Malaysia tetapi mereka tidak mencapai pembangunan dan berada dalam keadaan lebih mundur dari zaman mereka dijajah.

Dr Mahathir berkata walaupun terdapat banyak faktor yang boleh memecahkan perpaduan kaum, kerajaan BN pimpinan Umno dapat mengatasinya.

"Dalam BN kita tidak cuba menyelesaikan masalah secara ganas dan dengan tidak bertanggungjawab tetapi sebaliknya kita berunding dengan cara yang baik," katanya.

Beliau berkata cara BN menyelesaikan sesuatu masalah umpama menarik benang dari dalam tepung.

"Benang terselamat, tepung tidak berkecai. Itulah cara kita," katanya.

Pada sidang media kemudian, Dr Mahathir berkata BN akan berusaha sedaya upaya untuk menentukan kemenangan pada pilihan raya umum akan datang.

"Tapi ini semua kuasa tuhan, kita cuma boleh berusaha, yang akan menentukan Allah SWT," katanya.

Ditanya samada ada pilihan raya akan diadakan bila-bila masa, Dr Mahathir secara berseloroh berkata: "You datang seorang-seorang, saya cerita."

Turut hadir pada perhimpunan itu ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk

Seri Abdullah Ahmad Badawi, para pemimpin Umno serta beberapa pemimpin parti komponen BN termasuk Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu.

-- BERNAMA

MAD ZS DC MOZ